

RABU, 28 APRIL, 1982

PENYERTAAN SEMULA PAS: SIAPA UNTUNG SIAPA RUGI

RENCANA PENGARANG

KEMUNGKINAN PAS menyertai semula Barisan Nasional nampaknya semakin cerah. Reaksi pucuk pimpinan PAS Datuk Asri Haji Muda semasa Datuk Seri Dr. Mahathir membuat tawaran lanjutnya di depan khalayak ramal menjelang pilihanraya lalu adalah sinis dan menolak dengan bulat. Beliau menuduh bahawa tawaran tersebut cuma suatu kempen pilihanraya semata-mata. Tetapi kepada tawaran ulangan yang dibuat oleh Dr. Mahathir pada pagi BN mencapai kemenangan besar Jumaat lalu, Datuk Asri jelas membuka jalan untuk perundingan. Hakikat bahawa Dr. Mahathir mengulangi tawaran itu sesudah kemenangan besar BN tentunya meyakinkan Datuk Asri tentang kejujuran Perdana Menteri. Bagaimana pun beliau meminta supaya perkara ini ditangguhkan dulu untuk kedua pihak menimbang dengan halus baik-buruk dan untung-ruginya.

Sesungguhnya kebalkannya amat banyak sedang keburukannya hampir

tiada, baik dari segi perpaduan dan kuasa politik dan ekonomi orang Melayu mahupun dari segi perkembangan syiar Islam sendiri. Tidak siapa yang dapat menolak hakikat bahawa agama adalah asas perpaduan Melayu yang lebih kukuh dan terjamin. Perpaduan ini pula akan memampatkan lagi kuasa politik mereka, suatu yang semakin penting memandangkan tempoh matlamat DEB yang semakin singkat. Kerana kepincangan ekonomi orang Melayu kini cuma dapat diperbetul melalut kuasa dan tindakan politik, kekuatan kuasa itu yang bertapakkan perpaduan bulat sajalah yang boleh menyokong pelaksanaan hasrat dan tindakannya. Perpecahan yang berterusan, sebaliknya, cuma akan melambatkan proses ini.

Perpaduan juga tidak syak lagi akan mencemerlangkan lagi syiar Islam di negara ini. Perpecahan sekarang sedikit sebanyak telah dan akan terus meninggalkan kesan yang mencemarkan agama. Perbuatan menyalah-tafsirkan

Quran dan Hadis, misalnya, boleh membawa kepada penyelewengan ajaran dan ikutan. Penyempitan tafsiran untuk mengekalkan perpecahan itu juga tidak akan dapat membantu meyakinkan bukan Islam tentang kewibawaan Islam sebagai Ad-din, sebaliknya menakutkan mereka. Keadaan ini malah telah diambil kesempatan oleh setengah pihak dalam kempen bisik mereka baru-baru ini untuk memomokkan Islam.

Dari segi untung-rugi politik kepartian pula, seperti yang dinyatakan oleh Dr. Mahathir, UMNO sendirilah yang terpaksa lebih banyak berkorban. Jika penyertaan semula itu dibuat sebelum pilihanraya, UMNO terpaksa membuat beberapa pengorbanan untuk menempatkan PAS. Jika penyertaan itu dibuat selepas ini pun tentulah PAS akan menuntut beberapa konsesi dan tentulah pula yang terpaksa memberinya bukan parti komponen BN yang lain sebaliknya UMNO.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia